

## Web Hosting

Berdasarkan pengalaman saya, apabila kita ingin membina atau memiliki sesebuah laman web, kita tidak boleh lari daripada 3 komponen utama berikut, iaitu:

1. **Nama Domain**
2. **Akaun Web Hosting**
3. **Laman Web(Minisite, edagang, blog, etc)**

Untuk memberikan gambaran yang lebih jelas dan mudah difahami, saya akan memberikan contoh perbandingan seperti berikut:

### 1) Nama Domain VS Pendaftaran Syarikat

**Offline:** Seperti kebiasaannya, sesiapa sahaja yang ingin berniaga, perlu mendaftar Nama Syarikat di SSM. Nama Syarikat seperti contoh ABC Enterprise atau ABC (M) Sdn. Bhd. merupakan Nama Syarikat yang didaftarkan dan bertindak untuk memperkenalkan Produk atau Perkhidmatan yang dibawa/disediakan oleh Nama Syarikat yang berkenaan.

**Online:** Dalam dunia online, kita perlu pula mendaftar Nama Domain. Nama Domain ini akan bertindak sebagai "BRANDING" atau JENAMA anda yang akan memperkenalkan produk atau perkhidmatan di internet. Nama Domain/Alamat URL atau LINK biasanya dalam format seperti contoh **www.nama-syarikat.com**, **www.brand-anda.my** dan sebagainya. Nama Domain ini memudahkan pengunjung laman web atau prospek mengunjungi laman web kita. Tujuan utama Nama Domain adalah sebagai **Alamat Bisnes Kita** di internet

### Ringkasan:

Perniagaan Online = Nama Domain, Perniagaan Offline = Nama Syarikat

### 2) Web Hosting VS Tapak Berniaga

**Offline:** Apabila kita telah mendaftar Nama Syarikat, untuk memulakan perniagaan kita perlu mempunyai kedai/Pejabat atau tapak untuk berniaga atau menjalankan bisnes. Tapak Berniaga ini biasanya kita gunakan untuk menyimpan/meletakkan/memaparkan produk atau perkhidmatan kita.



**Online:** Di internet pula, setelah mendaftar Nama Domain, kita perlu memiliki Akaun Web Hosting atau tapak laman web. Melalui Web Hosting inilah kita boleh menyimpan data-data laman web seperti fail html, php, gambar, video, audio dan sebagainya. Tujuan utama Web Hosting ini adalah untuk **Menyimpan Data Laman Web dan Emel**.

### Ringkasan:

Perniagaan Online = Akaun Web Hosting, Perniagaan Offline = Kedai/Tapak Berniaga

### 3) Laman Web VS Brochure

**Offline:** Setelah mendaftar Nama Syarikat dan memiliki Kedai/Tapak Perniagaan, peniaga juga perlu menyediakan maklumat produk atau perkhidmatan seperti menggunakan brosur/Banner/bunting dan sebagainya.

**Online:** Begitu juga dengan perniagaan online, setelah peniaga mendaftar Nama Domain dan Akaun Web Hosting, peniaga online perlu pula memiliki atau membangunkan Laman Web untuk menyalurkan maklumat produk atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengunjung laman web/bakal prospek.

### Kesimpulannya?

Kesimpulan daripada contoh perbandingan di atas, kita kini lebih faham bahawa Web Hosting adalah berfungsi sebagai Tapak di Internet untuk kita simpan data-data laman web kita. Tanpa Web Hosting, kita tidak boleh bangun dan simpan fail-fail laman web kita. Umpama kereta yang tiada enjin untuk berjalan.

Selain daripada menyimpan fail-fail laman web kita, jika kita telah memiliki sekurang-kurangnya dua komponen utama iaitu Nama Domain & Akaun Web Hosting, kita boleh mula menggunakan alamat emel atas nama brand/nama domain anda sendiri, contohnya **ahmad@brand-anda.com** atau **sales@namasyarikat.my**. Segala data-data emel anda akan disimpan dalam akaun web hosting.



## Bagaimana Web Hosting Berfungsi?



Melalui gambarajah diatas dapat kita simpulkan bagaimana Web Hosting berfungsi.

1. Kita perlu menyimpan fail laman web kita dalam Server Web Hosting
2. Pengunjung mengunjungi laman web kita melalui alamat URL atau Nama Domain kemudian barulah laman web kita dipaparkan pada skrin komputer pengunjung/prospek kita.

## Apakah teknologi yang digunakan oleh “Web Hoster”(Penyedia Perkhidmatan Web Hosting)?


Terdapat beberapa teknologi yang digunakan dalam menguruskan akaun-akaun web hosting pelanggan mereka. Antara teknologi yang terlibat adalah seperti berikut:

1. **Sistem Operasi**
  - Linux, CentOS, FreeBSD, RedHat, atau Ubuntu
  - Windows Server
2. **Hosting Control Panel**
  - cPanel
  - Directadmin



Di antara kedua-dua cPanel dan Directadmin, cPanel adalah Sistem Hosting Control Panel yang paling ramai dan mudah digunakan. Oleh yang berkenaan, dalam panduan ini berkenaan hosting saya akan fokus untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dalam menggunakan cPanel bagi menguruskan Akaun Web Hosting.

### Apa itu cPanel?



**cPanel** adalah sistem yang digunakan oleh penyedia perkhidmatan hosting untuk digunakan oleh pelanggan-pelanggan menguruskan akaun web hosting mereka. Di bawah ini saya senaraikan beberapa fungsi-fungsi penting yang terdapat pada cPanel dalam menguruskan akaun hosting kita.

### **Fungsi yang terdapat pada cPanel (Control Panel akaun Web Hosting)**

- Upload Fail Laman Web
- Tambah Nama Domain
- Statistik Pengunjung Laman Web
- Cipta Subdomain
- Cipta & uruskan akaun Emel
- Cipta & uruskan Pangkalan Data(Database) MySQL.
- Status penggunaan saiz tapak web
- Status penggunaan bandwidth
- dan banyak lagi...

### **Bandwith**

Bandwith adalah suatu sistem untuk membolehkan pelawat (visitor)h melayari web anda pada sesuatu masa. Jika melebihi had (limit) yang ditetapkan, kemungkinan pelawat tidak dapat mengakses atau lebih teruk website akan jam dan berat.

### **Subdomain**

Subdomain adalah sub kepada domain kita. Untuk mengasingkan beberapa database yang berlainan agar mudah diakses. Contohnya saya ada beberapa laman web tentang subjek yang saya ajar seperti ICT, Sejarah dan LMS. Jadi saya buat subdomain untuk nampak lebih tersusun.

[www.ict.zakri.my](http://www.ict.zakri.my)

[www.sejarah.zakri.my](http://www.sejarah.zakri.my)

[www.lms.zakri.my](http://www.lms.zakri.my)



## Parked Domain

Parked Domain membolehkan anda mempunyai beberapa nama domain untuk satu website yang sama. Contohnya, anda mempunyai sebuah website menjual komputer. Nama domain website anda ialah “komputer.com”. Tetapi setelah beberapa ketika, anda dapati pelanggan-pelanggan yang membeli dari website anda kebanyakannya adalah orang putih, jadi anda bercadang menggunakan pula nama domain “computer.com” bagi website tersebut. Apa yang anda perlu lakukan, daftarkan nama domain “computer.com” dan kemudiannya, tambahkan nama domain yang baru itu di dalam cpanel anda dengan menggunakan fungsi “Parked Domains”. Kini, anda mempunyai 2 nama domain bagi sebuah website yang sama.

## Senarai Syarikat-syarikat Penyedia Perkhidmatan Web Hosting di Malaysia.

- Hosting Usahawan Terbilang – <http://www.usahawanterbilang.com>
- Sempoi Hosting - <http://www.sempoihosting.com>
- Data KL - <http://www.datakl.com>
- Exabytes - <http://www.exabytes.com.my>
- Jom Hosting - <http://www.jomhosting.net>
- Shinjiru - <http://www.shinjiru.com.my>
- Zen Pipe - <http://www.zenpipe.com>
- Server Freak - <http://www.web-hosting.net.my>
- Mercumaya -



## Cara Mendaftar Hosting Percuma Di Freewebhostingarea.Com

1. Masuk ke alamat ini <http://freewebhostingarea.com>

Anda akan menemukan tampilan seperti gambar berikut



2. Isi kolom paling atas yaitu **Free Sub Domain Hosting** dengan nama anda dan pilih sub domain yang disediakan. Untuk latihan ini, kita akan menggunakan sub domain **eu5.org**

Contoh :

Sila lihat pada ruang di bahagian **Free subdomain hosting** dan isikan maklumat subdomain yang anda mahukan.

Nama : **ictsmkbr**

Subdomain : **eu5.org**

Kemudian klik **Proced**

3. Jika alamat Sub domain yang anda minta tersedia, maka anda akan diarahkan ke format sebagai berikut.





ictsmkbr.eu5.org is available on Eu5.org server.

>> Account Information

E-mail:

You need a valid email address to confirm your account.

Password:

Re-type password:

Password must have minimum 6 characters including letters and numbers.  
Do not use special characters or spaces.

I have read the [Service Agreement](#) and agree to its terms.



CREATE

Dan sekiranya tidak, silakan ulangi lagi langkah seperti di atas.

4. Isi semua maklumat sesuai yang diminta dan jangan lupa klik pada kotak kecil di sebelah tulisan **I have read the service agreement**

Taipkan perkataan yang tertera dalam ruangan **Type the two words** (Captcha). Dalam contoh di atas, perkataan yang tertera ialah **same toneof**

Kemudian klik **Create**

5. Jika pendaftaran anda berjaya, anda akan menerima email pemberitahuan berupa Username, Pasword, Ftp Server dan lain-lain, yang menandakan anda telah berhasil membuat akaun di freehostingarea.com menggunakan domain eu5.org.

6. Untuk login di akaun anda silahkan kunjungi alamat sub domain anda. Jika anda memilih sub domain eu5.org maka kunjungi :

**<http://eu5org.freewebhostingarea.com/>**

Isi user name dan pasword anda seperti contoh berikut :

Username : ictsmkbr.eu5.org

Pasword : \*\*\*\*\*





## Memuat Naik (Upload) Fail Ke Web Hosting

Terdapat dua cara untuk memuat naik fail laman web anda ke web hosting.

1. Menggunakan kemudahan upload dalam Account Manager
2. Menggunakan kemudahan File Transfer Protocol (FTP)

## Memuat Naik Fail Melalui Account Manager Freewebhostingarea.com

1. Masuk ke alamat Account Manager: <http://eu5org.freewebhostingarea.com>  
Taipkan Username dan Password anda



2. Anda akan melihat tampilan Member Area seperti berikut:



3. Klik pada File Manager, satu tampilan Web based FTP Client akan muncul:

Isikan maklumat akaun seperti yang diberikan dalam emel anda dan klik **Login**.

4. Anda akan dapat melihat Directory Tree anda seperti berikut:

All	Name	Type	Size	Owner	Group	Perms	Mod Time	Actions
<input type="checkbox"/>	Up ..	Directory	4096	299318	299318	rxr-xr-x	May 8 10:00	
<input type="checkbox"/>	images	Directory	4096	299318	299318	rxr-xr-x	May 8 10:00	
<input type="checkbox"/>	.htfreewha	HTFREEWHA File	45	299318	299318	r--r--r--	May 8 10:00	<a href="#">View</a> <a href="#">Edit</a> <a href="#">Open</a>
<input type="checkbox"/>	403.html	HTML file	14688	299318	299318	rw-r--r--	May 8 10:00	<a href="#">View</a> <a href="#">Edit</a> <a href="#">Open</a>
<input type="checkbox"/>	404.html	HTML file	15333	299318	299318	rw-r--r--	May 8 10:00	<a href="#">View</a> <a href="#">Edit</a> <a href="#">Open</a>
<input type="checkbox"/>	README.html	HTML file	18211	299318	299318	rw-r--r--	May 8 10:00	<a href="#">View</a> <a href="#">Edit</a> <a href="#">Open</a>
<input type="checkbox"/>	favicon.ico	ICO File	2238	299318	299318	rw-r--r--	May 8 10:00	<a href="#">View</a> <a href="#">Edit</a> <a href="#">Open</a>
<input type="checkbox"/>	robots.txt	Text file	25	299318	299318	rw-r--r--	May 8 10:00	<a href="#">View</a> <a href="#">Edit</a> <a href="#">Open</a>

Directories: 1  
Files: 6 / 49.36 kB  
Symlinks: 0  
Unrecognized FTP output: 0

Seterusnya kita akan melihat bagaimanakah caranya untuk memuat naik menggunakan kemudahan dalam Freewebhostingarea.com dalam panduan berikutnya bertajuk **Using Web Based FTP Client**

